

PDB memperingati peristiwa Isra' Mi'raj Rasulullah



PEMANGKU Pesurujaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam hadir selaku tetamu kehormat pada ceramah agama di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mei. - Majlis-majlis keagamaan bagi memperingati Sambutan Isra' dan Mi'raj bagi Tahun 1436H / 2015M terus diadakan oleh pelbagai kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, persatuan kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) serta pihak-pihak persendirian.

Antara yang menganjurkan sambutan seumpamaian ialah Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dengan mengadakan ceramah agama, berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pesurujaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

Juga hadir, pegawai-pegawai dan anggota PDB.

Majlis bermula dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh imam surau berkenaan, APO Sarjan 6472, Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Dalam ceramah agama yang disampaikan oleh Penyayarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Abdurrahman Raden Aji Haqqi antaranya menyentuh mengenai peristiwa perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Al-Masjid Al-Haram ke Al-Masjid Al-Aqsa, yang kemudiannya dimikrajkan dari Masjidil Aqsa ke Sidratul Muntaha. Kataanya, perjalanan Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ini banyak menggambarkan peristiwa-peristiwa besar dan penting yang hanya berlaku dalam tempoh masa yang pendek.

Beliau juga turut mengongsikan peristiwa-peristiwa Nabi Ishak Alaihi Salam.

Dengan adanya majlis seumpama ini akan dapat meningkatkan lagi keyakinan umat Islam kepada Allah Subhanahu Wata'ala, meyakini kebenaran atas risalah kenabian Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan, selain memperingati hari-hari kebesaran Islam dan menjadikan sejarah peristiwa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai teladan dan ikutir anggota PDB setiap masa khususnya semasa melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Pusat Bahagia semarak Sambutan Isra' dan Mi'raj



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid menyampaikan hadiah kepada johan Kategori Penglibatan B2 / B3 yang disandang oleh Awang Md. Syahmi Syahiran bin Sahari dari Daerah Tutong.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohiddin

PULAI, Isnin, 25 Mei. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Isra' dan Mi'raj yang penuh bersejarah dalam Islam, Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat mengadakan Peraduan Azan dan Peraduan Tulisan Jawi bagi pelajar-pelajar Pusat Bahagia kecempat-empat daerah berlangsung di Dewan Darul Imitiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Seramai empat peserta masing-masing mewakili kecempat-empat daerah mempersembahkan laungan azan mereka pada Peraduan Azan tersebut.

Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid menyampaikan hadiah kepada johan Kategori Penglibatan B2 / B3 yang disandang oleh Awang Md. Syahmi Syahiran bin Sahari dari Daerah Tutong.

Sahirani dari Daerah Brunei dan Muara (DBM), manakala tempat kedua disandang oleh Awang Haji Nasib @ Hafizudin bin Haji Ibrahim dari Dacrah Temburong, manakala tempat ketiga diraih oleh Awang Md. Syahmi Syahiran bin Sahari dari Dacrah Tutong.

Sementara itu bagi Peraduan Tulisan Jawi pula, johan bagi Kategori Lelaki diraih oleh Awang Khairul Anuar bin Apong dari Daerah Tutong manakala Dayang Irma Haryana Ratni binti Haji Ismail dari DBM johan bagi Kategori Perempuan, dan johan Kategori Penglibatan B2 / B3 pula disandang oleh Awang Md. Syahmi Syahiran bin Sahari dari Dacrah Tutong.

Peraduan Azan dikhususkan bagi peserta lelaki berkeperluan khas intelek, anggota dan penglibatan, manakala Peraduan Tulisan Jawi

terbuka kepada semua murid-murid lelaki dan perempuan berkeperluan khas intelek, anggota dan penglibatan serta pendengaran.

Peraduan adalah sebagai salah satu aktiviti Pusat Bahagia dalam memperlihatkan kemampuan Orang Berkeperluan Khas mengikuti aktiviti-aktiviti berkebakian.

Ia juga diharatkam mananamkan minat dan keberanian kanak-kanak berkeperluan khas dalam mengikuti aktiviti-aktiviti keagamaan seperti melaungkan azan di khayal ramai dan memperlihatkan kemahiran mereka menulis seni khat Islam serta memupuk semangat dalam kalangan pelatih-pelatih dalam menyemai kecintaan tulisan Jawi dan menggetahui kepaduan dan kemahiran penulisan masing-masing.

Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid turut diserikan dengan persembahan nasyid Isra' Mi'raj Mukjizat Agung daripada pelatih-pelatih Pusat Bahagia Brunei Muara.

Bengkel dikir anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab

Peraduan Mari Bercerita wasilah pembentukan kebudayaan, bangsa negara

HALUAN

Dari muka 2

".... Betapa mustahaknya sesuatu bangsa itu memiliki ilmu pengetahuan dalam pembangunannya. Orang berilmu ialah orang yang tidak habis-habis menuntut mendengar melihat dan membaca bagi memperolehi ilmu. Orang seperti ini disebut oleh Al-Qur'an sebagai orang yang diangkat darjatnya di sisi Allah dan manusia. Di manakah kita dalam perkara ilmu ini? Maksud beta, di mana kita dalam perkara membaca, mendengar dan mutualal'aah bahkan-bahan ilmu?"

Kita mengukur martabat manusia yang bertamadun, kita perlu melihat akan ketinggian ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat itu. Masyarakat berilmu dan kaya maklumat adalah hasil dari individu yang gemar membaca. Semakin kita banyak membaca semakin itulah juga ilmu kita berkembang. Ibarat perumpamaan banyak membaca luas pengalaman dan orang membaca juga ibarat 'sebijik benih baik apabila dilontar ke laut akan menjadi pulau'. Sesungguhnya tidak ada jalan penghujung dalam kita menyelami lautan yang luas. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam masyarakat kita dapat maju dan

menghadapi cabaran zaman yang cepat berubah ini.

Dalam kesempatan ini sukacita saya menyeru kepada semua penghulu dan ketua kampung di seluruh negara selaku pemimpin akar umbi masyarakat supaya akan dapat memimpin masyarakat kampung untuk meningkatkan kesedaran dalam memperkasa budaya membaca dan menggalakkan masyarakat di setiap mukim dan kampung masing-masing untuk bergerak sama-sama dan mengambil langkah ke hadapan untuk sama-sama membantu kerajaan dalam melahirkan masyarakat berilmu, berpengetahuan dan bermaklumat serta bekerjasama dengan DBP untuk menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan di kecempat-empat drafah.

Saya juga menyarankan supaya perkhidmatan perpustakaan bergerak dilaraskan di kampung-kampung yang jauh dari perpustakaan supaya masyarakat kampung dan mukim boleh meminjam bahan bacaan yang disediakan dengan demikian matlamat kerajaan untuk memperkasa budaya membaca kepada semua golongan masyarakat di negara ini akan tercapai.

Akhirnya kepada semua peserta yang bertanding, selamat bertanding!

Sekian. Wabilahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



BENGKEL dikendalikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Muhammad.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Selasa, 19 Mei. - Bengkel dikir selama tiga hari yang ditunggangah oleh jawatankuasa Takmir Masjid Zainab Lumut diadakan bertujuan untuk mendedahkan lagi ilmu dan seni Dikir Brunei kepada warga Muslimah di Daerah Belait.

Antara lain, bengkel itu juga diharatkam untuk mencabarai Dikir Brunei kepada semua peringkat umur agar tidak lenyap mengikut arus kemodenan masa kini dan terus berkembang seiring dengan Dikir

Syaraf Anam, Rawi dan Tausyeh.

Bengkel yang disasarkan kepada Muslimah Masjid-masjid Daerah Belait dan Belianis itu diadakan buat pertama kali pada 18, 19 dan 25 Mei dan dikendalikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong, Awang Haji Masri bin Haji Muhammad.

Bengkel tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada Muslimah seluruh masjid di Daerah Belait. Lebih dari 30 orang peserta mengikuti bengkel tiga hari itu.